

TAMBAH KEFAHAMAN, PENGUASAAN 2 SUBJEK TERAS

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 3 Julai. - Kongsi sama dan aktiviti akademik yang memfokuskan dua subjek teras, iaitu Matematik dan Bahasa Inggeris melibatkan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dan Sekolah Rendah Kiudang merupakan pengisian Program Jalinan Ilmu untuk

menarik minat pelajar memperbaiki dan meningkatkan kefahaman dan penguasaan dalam kedua buah subjek berkenaan.

Program anjuran Travelhub Agency tersebut menemukan 20 pelajar JIS dan 51 murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Rendah Kiudang

■ **KONGSI SAMA** memfokuskan dua subjek teras, Matematik, Bahasa Inggeris merupakan pengisian dalam Program Jalinan Ilmu yang melibatkan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dan Sekolah Rendah Kiudang.

■ **PROGRAM** anjuran Travelhub Agency tersebut menemukan 20 pelajar JIS dan 51 murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Rendah Kiudang.

■ **PROGRAM** berkenaan merupakan siri projek kemasyarakatan kerjasama JIS dan Travelhub Agency selama satu minggu di Kampung Kiudang.

untuk berinteraksi dan melakukan aktiviti bersama bagi menimba teknik dan cara baharu yang dapat diterapkan dalam pembelajaran subjek - subjek berkenaan melalui aktiviti praktikal dan aplikasi dari sekolah swasta.

Atur cara terlebih dahulu dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Guru Besar Sekolah Rendah Kiudang, Muhd. Sofian bin Muhd. Jais yang antara lain menyatakan harapan agar program tersebut dapat meningkatkan pencapaian murid-murid dalam menambah pengetahuan dan kefahaman serta minat dalam kedua-dua subjek Matematik dan Bahasa Inggeris, di samping dapat meningkatkan pencapaian dalam Penilaian Kendiri Sekolah (SBA), Peperiksaan Kendiri Sekolah (SBE) dan juga Penilaian

Sekolah Rendah (PSR).

Rombongan pelajar JIS dan murid sekolah kemudian dibahagikan kepada dua kumpulan untuk melakukan aktiviti seperti *mental speed test*, *mastering multiplication* dan *understanding word problems* bagi mata pelajaran Matematik, dan *reading activity*, *conversation in English* dan *story telling* untuk subjek Bahasa Inggeris.

Program berkenaan merupakan siri projek kemasyarakatan kerjasama JIS dan Travelhub Agency selama satu minggu di Kampung Kiudang, dengan mengadakan aktiviti kemasyarakatan bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang dan juga murid sekolah.

Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Kiudang dan Padnunok, Awang Saifulbahri bin Haji Omarali;



GURU Besar Sekolah Rendah Kiudang, Muhd. Sofian bin Muhd. Jais semasa berucap pada majlis tersebut.

pegawai-pegawai pelajaran dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan; Ahli-ahli MPK Kiudang serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan Ibu Bapa dan Guru SR Kiudang.



ANTARA kongsi sama dan aktiviti akademik yang memfokuskan dua subjek teras, iaitu Matematik dan Bahasa Inggeris melibatkan Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dan Sekolah Rendah Kiudang merupakan pengisian Program Jalinan Ilmu (kiri dan kanan).

Persiapkan bakal graduan dengan pengetahuan asas kerjaya

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Julai. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Perkhidmatan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya bersama Persatuan ALUMNI UNISSA, baru-baru ini, menganjurkan Taklimat Kerjaya bagi Bakal Graduan UNISSA 2021.

Taklimat Kerjaya berlangsung selama tiga hari, mulai 29 Jun hingga 1 Julai 2021, bertempat di Dewan Auditorium UNISSA.

Pihak UNISSA amat berbesar hati dengan sokongan yang diberikan oleh beberapa buah institusi dan organisasi yang turut terlibat dalam menjayakan taklimat kerjaya tersebut, antaranya Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan, JobCentre Brunei, Manpower Policy and Planning Unit (MPPU), Tetuan Peguam Syarie Al Wady, Curious Mind, PEKA Consultant dan Bank Islam Brunei Darussalam.

Taklimat Kerjaya tersebut

PEGUAM Syarie Kanan Al Wady, Awang Haji Suhaili bin Haji Momin, merupakan Alumni UNISSA dan Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu ketika bergambar ramai bersama bakal graduan yang menerima tawaran sebagai Pelatih di Tetuan Peguam Syarie Al Wady & Al Wady Consultant Services.

bertujuan untuk membekalkan para bakal graduan dengan pengetahuan asas mengenai persiapan menghadapi temu duga dan mengongsikan tip-tip apa yang perlu dilakukan sebelum, semasa juga selepas menghadiri temu duga.

Taklimat berkenaan juga memberikan gambaran awal mengenai bidang keusahawanan yang boleh diceburi, di samping tawaran-tawaran pekerjaan yang dibukakan oleh syarikat swasta.

Dalam program ini, empat bakal



graduan UNISSA ditawarkan sebagai Pelatih di Tetuan Peguam Syarie Al Wady & Al Wady Consultant Services.

Acara penyerahan surat tawaran disampaikan oleh Peguam Syarie Kanan Al Wady, Awang Haji Suhaili bin Haji Momin, merupakan Alumni

UNISSA dan disaksikan oleh Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Keistimewaan tawaran yang diberikan, termasuk perbelanjaan Latihan Dalaman dan Luaran juga Penempatan, Chambering, Sijil

Peguam & Amalan Guaman dan mana-mana Latihan Luaran akan ditanggung oleh firma & syarikat.

Tawaran pekerjaan tetap akan diberikan selepas pelatih menghabiskan latihan mereka selama satu tahun atau satu tahun enam bulan.